

# Ikatan Mandailing Malaysia-Indonesia dilancar di UPM 14 Februari ini

**KUALA LUMPUR 7 Feb.** - Ikatan Mandailing Malaysia-Indonesia (IMAMI), iaitu organisasi pertama bersifat dwinegara yang menghimpunkan satu-satu kaum nusantara di Malaysia dan Indonesia di bawah satu bumbung, akan dilancarkan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada 14 Februari ini.

Sempena pelancarannya, tiga program diadakan serentak termasuk Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan 2015 IMAMI Malaysia oleh Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Dr. Rais Yatim dan pelancaran IMAMI Indonesia oleh Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Herman Prayitno.

Turut dilancarkan ialah Kamus Komunikatif Nusantara yang diterbitkan dengan kerjasama UPM dan Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu Jogjakarta, Indonesia.

Setiausaha IMAMI Malaysia, Ramli Abdul Karim Hasibuan dalam

kenyataan hari ini memberitahu, ketiga-tiga program serentak itu akan berlangsung di Dewan Za'ba, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM bermula pukul 10 pagi.

Katanya, selain agenda mesyuarat agung, pelbagai acara diatur termasuk persembahan Gordang Sembilan (gendang sembilan), iaitu salah satu kesenian tradisional suku kaum Mandailing popular.

“Seramai 30 pengurus (jawatankuasa) IMAMI Indonesia hadir sama diketuai Presidennya, S.S Baginda Tambangan Harahap. Mereka dari empat kabupaten (daerah) dan satu Pemerintah Kota (majlis perbandaran), iaitu tempat asal usul kaum Mandailing di Sumatera Utara.

“Pelancaran IMAMI Malaysia dan IMAMI Indonesia selaras gagasan Komuniti ASEAN, iaitu memperkuat hubungan *people to people* (rakyat dengan rakyat) dan me-

nyemarakkan semangat kekitaan rakyat negara anggota ASEAN,” katanya.

IMAMI Malaysia adalah anggota gabungan kepada Yayasan Ikatan Rakyat Malaysia-Indonesia (YIRMI) dan bernaung di bawah Yayasan Warisan Negara.

Sementara itu, Ramli mengalu-alukan masyarakat Mandailing di Malaysia menghadiri ketiga-tiga program tersebut yang turut bertujuan mengukuhkan silaturahim dan ukhuwah sesama ahli.

“Ahli-ahli berpeluang menikmati makanan tradisional Mandailing ketika jamuan tengah hari termasuk ‘bulung gadung na iduda’ (gulai pucuk ubi tumbuk) dan ‘sambal tuktuk’ (sambal tumbuk),” katanya.

Bagi keterangan lanjut boleh dihubung dengan Ramli di talian **019-6066564** atau Penolong Setiausaha IMAMI Malaysia, Hafizah Kamarudin Lubis, **013-3805023**.